

28/08/2001

Seri Paduka yakin hubungan KL-Jakarta lebih erat

KUALA LUMPUR, Isnin - Masih banyak peluang kerjasama boleh dikenal pasti untuk merapatkan lagi hubungan Malaysia dan Indonesia ke tahap lebih tinggi dan bermakna.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, bertitah proses globalisasi membawa banyak perubahan kepada suasana politik dan ekonomi dunia yang secara langsung mempamerkan kesan negatif yang boleh menggugat kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Menyedari hakikat itu, titah Seri Paduka, adalah perlu kedua-dua negara terus memupuk dan meningkatkan lagi kerjasama yang erat di semua peringkat dan bidang bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran bersama.

Sultan Salahuddin bertitah demikian pada majlis santapan malam untuk meraikan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri di Istana Negara.

Megawati memulakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia bermula hari ini dan beliau diiringi rombongan 60 anggota, termasuk suaminya Taufiq Kiemas.

Turut hadir, Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Baginda berharap mekanisme ditubuhkan seperti Suruhanjaya Bersama dan Jawatankuasa Sempadan memainkan peranan penting memantapkan lagi hubungan dan kerjasama serta menjadi saluran rasmi mencari penyelesaian bagi sebarang masalah.

Seri Paduka bertitah kedua-dua negara harus bertekad dan berazam tinggi membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada kedua-dua pihak.

Sementara itu, Malaysia meminta Indonesia supaya memberikan lebih banyak hak mendarat kepada Penerbangan Malaysia (MAS) melalui sektor Kuala Lumpur-Jakarta kerana jumlah rakyat republik itu yang agak banyak di negara ini.

Permintaan itu dikemukakan dalam perbincangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Megawati, petang ini.

Kini, MAS membuat dua penerbangan sehari ke Jakarta dari Kuala Lumpur, manakala syarikat penerbangan Singapura, Singapore Airlines, membuat 12 penerbangan dari Kuala Lumpur ke Singapura.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata permintaan itu amat wajar sekali kerana jumlah rakyat Indonesia di negara ini sekarang adalah 500,000 orang.

Bercakap pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, Syed Hamid berkata, jika penerbangan tidak mencukupi, pekerja Indonesia terpaksa pergi ke Singapura atau negara lain untuk menaiki penerbangan pulang ke tanah air mereka.

"Permintaan Malaysia ini pernah dikemukakan kepada pemimpin Indonesia sebelum ini dan permintaan kali ini adalah susulan," katanya.

(END)